

KWSP jangka dividen tahunan 4.5 hingga 5.5 peratus
Malaysiakini.com
March 18, 2011

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjangka mengisytiharkan kadar dividen tahunan antara 4.5 peratus dan 5.5 peratus meskipun cabaran dalam ekonomi global.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Azlan Zainol, berkata dalam tahun yang baik, KSWP mungkin mengisytiharkan dividen seperti tahun lalu iaitu 5.8 peratus.

"Apa yang penting ialah pemeliharaan modal. Kami merasakan KWSP kini mempunyai pelaburan yang sangat baik. Di masa depan, kami kukuh dan selesa," katanya selepas permeterian pembiayaan Bai Al-Inah RM500 juta dengan Malaysia Building Society Bhd, di Kuala Lumpur, hari ini.

Azlan berkata, pelaburan KWSP di luar negara semasa tempoh mencabar ini adalah selamat.

"Bagi sudut positif, kami mungkin mendapat peluang untuk membeli atau menjual semasa keadaan tidak menentu pasaran sekarang, bagi asas terpilih," katanya.

Mengenai pelaburannya di Jepun berikutan bencana gempa bumi, Azlan berkata: "Tidak banyak (kesan). Kami melabur sedikit dalam Tokyo Stock Exchange, kurang daripada 0.1 peratus."

Beliau berkata, KWSP sedang berbincang dengan kerajaan untuk memuktamadkan terma perjanjian bagi pembangunan tanah Institut Penyelidikan Getah seluas 1,200 hektar di Sungai Buloh.

"Kami berharap dapat memuktamadkannya sebelum akhir tahun," katanya.

- Bernama